



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

A. SEKTOR TENAGA DAN SUMBER ASLI

1. Adakah aktiviti pembalakan dibenarkan dalam tempoh kawalan?

YA. Aktiviti Pengusahahasilan Hutan (Pembalakan) dibenarkan beroperasi dan arahan pengoperasian adalah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2. Adakah pas pemindah pengeluaran hasil hutan dari kawasan hutan yang dilesenkan masih boleh dikeluarkan oleh Balai Pemeriksa Hutan?

YA. Balai Pemeriksa Hutan dibuka tetapi terhad kepada Kawasan-kawasan yang terlibat dengan pengeluaran kayu. Arahan pengoperasian adalah tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa serta mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Adakah Industri Beraskan Kayu (IBK) masih boleh beroperasi?

YA. IBK dibenarkan beroperasi selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Arahan pengoperasian adalah tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa serta mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

4. Adakah Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri dibuka kepada orang ramai?

TIDAK. Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri ditutup sebagai langkah kawalan dan tiada aktiviti rekreasi secara perseorangan atau berkumpulan yang dibenarkan sepanjang tempoh larangan berkuat kuasa. Perkara ini selaras dengan Perkara 17 Pengurusan Hutan (eko pelancongan) yang disenaraikan **Sebagai Aktiviti Yang Dilarang** dan aktiviti yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan.

5. **Adakah permit masuk ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi tujuan rekreasi, pendakian gunung, penyelidikan dan lain-lain aktiviti dikeluarkan dalam tempoh kawalan?**

TIDAK. Pengeluaran Permit Masuk ke HSK adalah diberhentikan sementara sepanjang tempoh kawalan larangan berkuat kuasa. Perkara ini selaras dengan Perkara 17 Pengurusan Hutan (eko pelancongan) yang disenaraikan **Sebagai Aktiviti Yang Dilarang** dan aktiviti yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan

6. **Adakah Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) dibenarkan untuk beroperasi dalam tempoh kawalan?**

TIDAK. Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) adalah ditutup sementara sepanjang tempoh kawalan larangan berkuat kuasa. Perkara ini tertakluk pada Perkara 17 Pengurusan Hutan (Latihan Perhutanan) disenaraikan **Sebagai Aktiviti Yang Dilarang** dan aktiviti yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan

7. **Adakah sebarang pertanyaan/aduan awam masih diterima Jabatan?**

YA. Sebarang pertanyaan/aduan awam yang boleh disalurkan seperti berikut:

Pertanyaan - webmaster@forestry.gov.my

Aduan - aduan@forestry.gov.my

Hotline: 013-6696852

8. **Bolehkan saya membuat aduan kepada Jabatan PERHILITAN mengenai gangguan hidupan liar?**

BOLEH. Talian Hotline Jabatan PERHILITAN 1-800-88-5151 akan beroperasi 24 jam setiap hari sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan untuk penerimaan sebarang aduan dan pertanyaan mengenai hidupan liar. Sebagai alternatif, sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan juga boleh dipanjangkan melalui sistem e-aduan di www.wildlife.gov.my

9. **Adakah Jabatan PERHILITAN mengambil tindakan terhadap semua gangguan hidupan liar dalam tempoh ini?**

YA. Semua tindakan terhadap gangguan konflik hidupan liar akan diambil tindakan segera seperti biasa. Unit aduan gangguan konflik hidupan liar bersedia sedia di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

10. Bolehkah saya melawat Taman Negara, pusat-pusat Ekopelancongan, Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah dan Pusat-Pusat Konservasi Hidupan Liar di bawah seliaan Jabatan PERHILITAN?

TIDAK. Mulai 18 Mac 2020, semua tempat-tempat ini ditutup kepada orang awam sehingga diberitahu kelak. Lokasi yang terlibat adalah;

- i. Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan;
- ii. Taman Negara Pahang;
- iii. Taman Negara Kelantan;
- iv. Taman Negara Terengganu;
- v. Taman Negara Pulau Pinang;
- vi. Paya Indah Wetlands;
- vii. Tapak Ramsar Tasek Bera; dan
- viii. Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL).

11. Jika saya terjumpa hidupan liar yang sakit atau tercedera, bolehkah saya membuat aduan kepada Jabatan PERHILITAN?

BOLEH. Semua aduan boleh disalurkan melalui Talian Hotline Jabatan PERHILITAN 1-800-88-5151 akan beroperasi 24 jam setiap hari sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Semua Pegawai Veterinar (Doktor Veterinar) Jabatan PERHILITAN bersiap sedia merawat hidupan liar yang sakit dan tercedera.

12. Bolehkah saya membuat aduan mengenai sebarang aktiviti pelanggaran di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]?

BOLEH. Semua aduan boleh disalurkan melalui Talian Hotline Jabatan PERHILITAN 1-800-88-5151 akan beroperasi 24 jam setiap hari sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Semua pegawai penguatkuasa Jabatan PERHILITAN sentiasa bersiap sedia.

13. Adakah kaunter urusan pelesenan, pengeluaran permit import/eksport hidupan liar dan permit CITES import/eksport hidupan liar dibuka sepanjang tempoh ini?

TIDAK. Semua kaunter urusan pelesenan, pengeluaran permit import/eksport hidupan liar dan permit CITES import/eksport hidupan liar ditangguhkan sehingga tempoh PKP tamat.

Sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk import/eksport hidupan liar, pelanggan boleh berhubung terus dengan Jabatan PERHILITAN untuk mengadakan temu janji bagi proses pengeluaran permit import/eksport hidupan liar dan permit CITES import/eksport hidupan liar.

Pejabat yang terlibat adalah :

- i. Pejabat Jabatan PERHILITAN Wilayah - 03-9171 0258/ 03-9171 0260/ 019-332 9402;
- ii. Pejabat Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang – 04-261 3039/ 019-558 6378; dan
- iii. Pejabat Jabatan PERHILITAN Johor - 07-223 0580/ 019-388 8915

14. Adakah semua Lesen, Permit dan Permit Khas yang telah dan akan tamat tempoh dari 18 Mac sehingga 14 April 2020 ini akan dikompaun oleh pihak Jabatan PERHILITAN?

TIDAK. Semua Lesen, Permit dan Permit Khas yang tamat tempoh semasa PKP boleh diperbaharui selepas PKP tamat tanpa dikenakan kompaun.

15. Bagaimanakah saya akan mengetahui maklumat, berita, pemakluman terkini yang berkaitan Jabatan PERHILITAN?

Semua maklumat berita, pemakluman terkini yang berkaitan Jabatan PERHILITAN akan disalurkan melalui;

- i. Media sosial (Facebook, Instagram dan Twitter) rasmi Jabatan PERHILITAN;
- ii. Talian Hotline Jabatan PERHILITAN 1-800-88-5151 akan beroperasi 24 jam setiap hari sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan; dan
- iii. Laman sesawang rasmi iaitu www.wildlife.gov.my

16. Sekiranya berlaku gangguan hidupan liar masuk ke kawasan kampung, agensi mana yang boleh saya hubungi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak?

Sekiranya berlaku gangguan hidupan liar, orang awam boleh menghubungi:

- i. Jabatan PERHILITAN di talian hotline 1-800-88-5151 (Semenanjung);
- ii. Sarawak Forestry Corporation di talian hotline Kuching (019-8859996/016-8565564), Sibu (019-8190140/019-8894474), Bintulu (019-8332737), Miri (019-8224566); dan
- iii. Jabatan Hidupan Liar Sabah di talian hotline 088-254767.

17. Adakah aktiviti perlombongan atau pengkuarian boleh beroperasi seperti biasa semasa tempoh PKPB?

Aktiviti perlombongan dan pengkuarian boleh beroperasi seperti biasa, tetapi ia adalah tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang sedang berkuatkuasa. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut masih tidak boleh beroperasi sekiranya terletak di kawasan PKPD.

18. Apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak majikan bagi melaksanakan operasi perlombongan atau pengkuarian di sepanjang tempoh PKPB?

Majikan perlu menyediakan SOP dan protokol syarikat di tempat kerja yang perlu dipatuhi oleh pekerja mengikut standard yang ditetapkan oleh KKM, antaranya;

- i. Saringan kesihatan perlu dilakukan setiap hari dengan mengambil bacaan suhu badan. Suhu badan yang melebihi 37.5° C tidak dibenarkan untuk memasuki premis syarikat.
- ii. Pemakaian face mask adalah diwajibkan ke atas setiap pekerja.
- iii. Proses sanitasi perlu dilakukan setiap hari di kawasan umum premis syarikat seperti di surau, lobi, lif, pantry, tandas, bilik mesyuarat dan tempat pembuangan sampah.
- iv. Majikan perlu menyediakan hand sanitizer di tempat umum terutama di kawasan pintu utama, lif, dan bilik-bilik utama.

19. Bagaimanakah pergerakan pekerja-pekerja yang tinggal di rumah kongsi di tapak-tapak lombong dan kuari? Adakah mereka perlu dikeluarkan dari kawasan lombong dan kuari?

Pekerja-pekerja boleh terus tinggal di rumah kongsi di tapak-tapak perlombongan dan pengkuarian dengan syarat proses pembasmian perlu dilakukan setiap hari mengikut masa yang ditetapkan oleh majikan. Majikan hendaklah mengawal pergerakan pekerja dan memastikan keperluan pekerja seperti bekalan makanan mencukupi untuk sepanjang tempoh ini.

20. Apakah langkah yang perlu diambil oleh majikan sekiranya pekerja didapati positif menghidap Covid-19?

Majikan perlu menubuhkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani Covid-19 bagi menguruskan kes-kes jangkitan COvid-19. Selain itu, majikan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menanggung kos saringan dan perubatan bagi pekerja yang didapati positif berserta dengan kontak rapat di premis syarikat yang sama.

21. Adakah sistem permohonan lesen eksport melalui atas talian masih boleh diakses sepanjang tempoh ini?

Sistem permohonan lesen eksport masih boleh diakses secara atas talian sepanjang tempoh kawalan pergerakan di pautan <https://ebmgpermit.ketsa.gov.my>

22. Bagaimanakah proses untuk mendapatkan ID Pengguna dan memuatnaik dokumen yang diperlukan dalam sistem eBMGPermit dalam tempoh ini?

Urusan bagi mendapatkan ID Pengguna bagi pemohon yang akan memuatnaik dokumen akan diteruskan selepas tamat tempoh kawalan pergerakan ini. Pemohon boleh menghubungi BMG melalui emel bmg@kats.gov.my untuk maklumat lanjut.

23. Adakah pemohon lesen eksport (AP) boleh memantau perkembangan dan status terkini melalui paparan pemohon (*interface*) dalam tempoh ini?

YA. Pemohon masih boleh memantau status terkini secara atas talian (*online*) melalui sistem di pautan <https://ebmgpermit.ketsa.gov.my/> seperti biasa.

24. Adakah pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan memproses sebarang permohonan lesen eksport sepanjang tempoh ini?

Pemprosesan permohonan lesen eksport tetap dijalankan sepanjang tempoh ini. Semakan kecukupan dokumen dan pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan akan diteruskan.

25. Adakah pihak yang mempunyai lesen eksport yang masih sah boleh meneruskan aktiviti untuk memuatnaik bahan ke kapal?

Penggiat industri perlu merujuk kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di setiap negeri dan pihak pelabuhan berkaitan bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung SOP memuatnaik bahan ke kapal (loading) bagi tujuan eksport.

26. Adakah pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) akan menjalankan semakan di tapak bagi pengeluaran Surat Penilaian Teknikal untuk permohonan lesen eksport?

YA. Pihak JMG akan menjalankan semakan di tapak bagi pengeluaran Surat Penilaian Teknikal.

27. Bagaimanakah pihak majikan ingin merujuk berkenaan garis panduan bagi pelaksanaan operasi perlombongan?

Garis panduan pelaksanaan operasi perlombongan dan pengkuarian perlu merujuk kepada dokumen yang disediakan oleh JMG. Dokumen tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang JMG menerusi <https://www.jmg.gov.my/mengenai-kami/berita-semasa/pengumuman/728-garis-panduan-pelaksanaan-operasi-perlombongan-dan-pengkuarian-semasa-perintah-kawalan-pergerakan>

28. Adakah geopark masih dibuka untuk pengunjung sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini?

TIDAK. Geopark tidak boleh ditutup kerana ia adalah suatu wilayah terbuka. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti dalam wilayah geopark seperti kereta kabel, geotrail, dan sebagainya perlu ditutup. Ini bagi mengelakkan penyebaran virus di kalangan pengunjung dan pekerja geopark. Pembukaan semula bergantung kepada arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pihak berkuasa tempatan.

B. BEKALAN ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

29. Adakah bekalan elektrik akan dicatu semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa?

TIDAK. Bekalan elektrik akan dibekalkan seperti biasa.

30. Adakah Kedai Tenaga akan beroperasi di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa?

Semua Kedai Tenaga TNB masih ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa. Tarikh mula operasi Kedai Tenaga dan kios pembayaran layan diri akan dimaklumkan kepada pengguna dari semasa ke semasa.

31. Di manakah pembayaran bil elektrik boleh dilakukan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bersyarat berkuatkuasa?

Pelbagai saluran pembayaran rasmi disediakan untuk kemudahan pengguna membuat pembayaran bil elektrik iaitu:

a) Saluran Digital

- i. Portal myTNB (www.mytnb.com.my)
 - *Express Payment* - Had transaksi RM250
 - Kad debit/kredit - Had transaksi RM5,000
 - FPX melalui akaun simpanan/semasa - Had transaksi RM30,000
- ii. Aplikasi myTNB
 - Kad debit/kredit - Had transaksi RM5,000
 - FPX melalui akaun simpanan/semasa - Had transaksi RM30,000
- iii. JomPAY
 - Kod Biller: 5454
 - Ref-1: Nombor akaun TNB (1 nombor akaun sahaja untuk 1 transaksi)
 1. Kad debit/kredit - Had transaksi RM5,000

2. FPX melalui akaun simpanan/semasa - bergantung kepada had yang ditetapkan oleh bank

iv. Perbankan Internet

- Tambah “Tenaga Nasional Berhad” sebagai Favorite Payee
- Kad debit/kredit - Had transaksi RM5,000
- FPX melalui akaun simpanan/semasa - Had transaksi RM30,000

b) Pembayaran Secara Tunai

Sila bawa bil elektrik / nombor akaun TNB / gambar kod bar bil elektrik untuk imbasan.

1. POS Malaysia
2. 7 Eleven
3. 99 Speedmart
4. KK Mart
5. Felda D’Mart
6. Happy Mart
7. Ejen Bank Berdaftar (EBB) Bank Simpanan Nasional/ Agrobank/Bank Rakyat
8. Kedai Mesra Petronas
9. Select Shell

Pengguna adalah dinasihatkan agar berhati-hati semasa membuat pembayaran bil elektrik dan elakkan daripada ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba menyamar sebagai ejen kutipan TNB.

32. Adakah bil bulan Mei 2020 akan dibaca oleh Pembaca Meter TNB di premis saya di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa?

Walaupun Pembaca Meter TNB tidak membuat bacaan meter di premis tuan/puan di sepanjang tempoh PKPB ini, TNB akan mengeluarkan bil anggaran kepada pengguna berdasarkan penggunaan dan jumlah bil bulan sebelumnya. Sebagai contoh, sekiranya anda menerima bil bulan sebelumnya sebanyak RM100, bil terkini juga akan dianggarkan sebanyak RM100.

33. Sekiranya saya mempunyai meter pintar di premis saya, adakah saya masih menerima bil anggaran?

Sekiranya premis tuan/puan dipasang dengan meter pintar, bil akan dikeluarkan dengan bacaan sebenar. Namun, bil anggaran akan dikeluarkan sekiranya meter pintar gagal memberi bacaan secara jarak jauh.

34. Bagaimana saya boleh memperolehi salinan bil elektrik saya di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa?

Di sepanjang tempoh PKPB ini, tuan/puan boleh mendapatkan **salinan bil elektrik**

melalui:

- i. Aplikasi myTNB (muat turun secara percuma di Google Play Store atau Apple App Store);
- ii. Portal myTNB di www.mytnb.com.my;
- iii. E-mel: tnbcareline@tnb.com.my;
- iv. Hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454 (8:00 pagi hingga 5:00 petang setiap hari); dan
- v. Media Sosial: *Direct Message di Facebook TNB CareLine.*

35. Jika berlaku sebarang gangguan bekalan elektrik, adakah saya masih boleh menghubungi talian 15454?

Ya. Tuan/puan masih boleh menghubungi talian 15454 yang beroperasi 24 jam setiap hari dan saluran digital *Facebook TNB Careline*. Pihak TNB akan memberi respon mengikut standard kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

36. Sekiranya Kedai Tenaga tidak dibuka, di manakah saya boleh mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kedai Tenaga?

Sila layari portal myTNB di www.mytnb.com.my atau hubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 yang beroperasi dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang setiap hari.

37. Adakah permohonan baharu untuk mendapatkan bekalan elektrik boleh dikemukakan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa?

Ya. Tuan/puan boleh membuat permohonan baharu melalui portal myTNB di www.mytnb.com.my. Di sepanjang tempoh PKPB, pihak TNB menjangkakan akan terdapat sedikit kelewatan semasa proses penyambungan bekalan ke premis tuan/puan.

38. Sekiranya saya ingin membuat penukaran nama pemegang akaun, bolehkah proses penukaran nama ini dilakukan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa?

Ya. Proses penukaran nama adalah berjalan seperti biasa dan tertakluk kepada pengesahan penamatan akaun sedia ada oleh pengguna berdaftar. Tuan/puan boleh membuat permohonan penukaran nama pemegang akaun melalui portal myTNB di www.mytnb.com.my.

39. Adakah permohonan penutupan akaun untuk menamatkan kontrak bekalan boleh dikemukakan sepanjang tempoh PKPB berkuatkuasa?

Ya. Proses permohonan penutupan akaun untuk menamatkan kontrak bekalan adalah berjalan seperti biasa. Tuan/puan boleh membuat permohonan penutupan akaun untuk menamatkan kontrak bekalan melalui portal myTNB di www.mytnb.com.my. Sepanjang tempoh PKPB, pihak TNB menjangkakan akan terdapat kelewatan bagi tindakan pemotongan bekalan di premis dan menyelesaikan permohonan tersebut.

40. Adakah permohonan pemotongan bekalan boleh dikemukakan di sepanjang tempoh PKPB berkuatkuasa?

Tidak. Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelanggan dan warga kerja TNB, TNB telah menghentikan sebarang aktiviti pemotongan termasuk permintaan daripada pemilik akaun TNB di sepanjang tempoh PKPB berkuatkuasa. Permohonan pemotongan bekalan boleh dikemukakan selepas tempoh PKPB tamat kelak.

41. Bekalan elektrik saya telah dipotong sebelum 18 Mac 2020 dan saya ingin membuat penyambungan semula bekalan elektrik. Adakah permohonan penyambungan semula bekalan boleh dikemukakan di sepanjang tempoh PKPB berkuatkuasa?

Ya. Tuan/puan boleh membuat permohonan penyambungan semula melalui saluran sedia ada setelah pembayaran penuh dilakukan melalui saluran pembayaran rasmi yang disediakan oleh TNB. Senarai saluran pembayaran rasmi TNB boleh dirujuk kepada jawapan bagi soalan no.3.

42. Sekiranya saya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh TNB, dimanakah aduan boleh dilaporkan?

Tuan/puan boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya Tenaga di talian bebas tol 1-800-2222-78, atau melalui laman sesawang, <https://www.st.gov.my/>

C. BEKALAN ELEKTRIK DI SABAH

43. Adakah bekalan elektrik akan dicatu semasa PKPB berkuatkuasa?

Tidak. Bekalan elektrik dibekalkan seperti biasa. Sebarang kerosakan juga akan ditangani oleh anggota kerja siap-sedia. Penutupan bekalan sementara akan dilaksanakan (sekiranya perlu) jika melibatkan aspek keselamatan.

44. Adakah Kaunter Perkhidmatan Pelanggan akan ditutup sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa?

Semua Kaunter Perkhidmatan Pelanggan akan ditutup. Walau bagaimanapun, pembayaran bil boleh dibuat melalui kaedah alternatif seperti berikut:

- i. Pembayaran menggunakan mesin kiosk yang beroperasi 24 jam di:
Wisma SESB, SESB Papar, SESB Tuaran, SESB W.P Labuan, SESB Sandakan, Kaunter Setempat Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), SESB Tawau, SESB Lahad Datu, SESB Kota Marudu, SESB Keningau dan SESB Beaufort.
- ii. Perbankan Atas Talian (*Online Banking*):
JomPAY, Maybank, HSBC, CIMB, Public Bank, Am Bank. Alliance Bank, MBF “Click & Pay”, Bank Kerjasama Rakyat, Kuwait Finance House, Agro Bank, BSN dan Pos Malaysia Berhad.
- iii. Ejen-ejen kutipan:
GrabPay e-Wallet, Shopee e-Wallet, Touch & Go e-Wallet, Lazada e-Wallet, My Boost e-Wallet, Paynow e-Wallet, Panda Marketing Android, Richtech Android, e-Pay Terminal(Shell, BHP, Petron, Petronas, KK Mart dan Mobility One Terminal(TM Point).
- iv. Pembayaran melalui Kaunter Pandu Lalu (*Drive Through*):
Buat masa ini, hanya Kaunter Pandu Lalu di SESB Labuan sahaja yang beroperasi bermula 30hb April 2020.

Manakala, untuk permohonan bekalan elektrik atau perkhidmatan pengguna yang lain, pengguna boleh meletakkan borang permohonan di Kaunter Polis Bantuan untuk diproses oleh SESB dalam tempoh 48 jam hari bekerja.

45. Sekiranya saya ada pertanyaan mengenai bil elektrik atau diskaun bil elektrik yang diberikan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, di mana saya boleh hubungi?

Boleh menghubungi Bilik Gerakan Diskaun Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE2020) bagi pertanyaan bil dan diskaun bil elektrik seperti berikut:

Masa : 8 pagi – 5 petang (Isnin – Jumaat)
No. Tel : 088 – 222313, 088-223313, 088-224313
E-mel : komersil@sesb.com.my
Whatsapp : 019-8525427

46. Sekiranya bekalan elektrik telah dipotong sebelum perintah ini dikeluarkan dan pengguna membuat pembayaran, adakah bekalan akan disambung?

Bekalan akan disambung semula pada hari yang sama sekiranya pembayaran dibuat sebelum pukul 1 petang manakala untuk pembayaran yang dibuat selepas pukul 1 petang, penyambungan bekalan akan dibuat pada keesokan harinya. Pengguna yang membuat pembayaran melalui atas talian (*online*) boleh mengemukakan bukti pembayaran menerusi aplikasi *Whatsapp* Careline SESB di 019- 852 5427.

47. Jika berlaku sebarang gangguan bekalan elektrik, adakah saya masih boleh menggunakan talian 15454?

Ya. Talian 15454 beroperasi seperti biasa. Pengadu juga boleh menghubungi talian SESB Careline di 088- 515000 atau menghantar aduan melalui aplikasi *Whatsapp* di nombor 019-8525427

48. Sekiranya saya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh SESB, dimanakah aduan boleh dilaporkan?

Pengadu boleh menyalurkan aduan kepada Suruhanjaya Tenaga di talian bebas tol 1-800-2222-78, atau melalui laman web <https://www.st.gov.my/>

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
12 MEI 2020**